

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## **BANCI EKONOMI 2023 PENGGUNAAN ICT DAN E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN**

---

### **Transformasi Digital Semakin Pesat dengan 93.3 Peratus Perniagaan di Malaysia Memanfaatkan Akses Internet pada Tahun 2022**

**PUTRAJAYA, 29 NOVEMBER 2024** – Landskap digital Malaysia telah mengalami transformasi ketara, dengan perniagaan merentasi pelbagai sektor semakin mengguna pakai sumber digital untuk kekal berdaya saing dan relevan dalam pasaran global. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) baru-baru ini melancarkan Banci Ekonomi 2023 Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan, yang memberikan gambaran menyeluruh mengenai penerapan digital yang meluas dalam kalangan perniagaan. Statistik menunjukkan peningkatan ketara dalam penggunaan internet, laman web dan aktiviti e-dagang, yang menekankan pemecutan transformasi digital dalam ekosistem perniagaan Malaysia.

Menurut DOSM, 93.3 peratus perniagaan di Malaysia telah mempunyai akses internet pada tahun 2022, meningkat mendadak daripada 61.5 peratus pada tahun 2015. Peningkatan ini menunjukkan kepentingan pendigitalan untuk kecekapan operasi dan komunikasi perniagaan serta mendekati pelanggan baharu. Selain itu, penggunaan komputer dalam kalangan perniagaan juga meningkat dengan

ketara, di mana 95.9 peratus pertubuhan bergantung kepada komputer untuk operasi harian, berbanding hanya 73.5 peratus pada tahun 2015. Penerapan teknologi secara meluas ini bukan sekadar perubahan sementara tetapi langkah strategik ke arah model ekonomi yang lebih berdaya tahan dan kompetitif. Dato' Sri Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, menegaskan, “Peralihan kepada penerapan digital bukan sekadar tindak balas terhadap cabaran seperti pandemik COVID-19 tetapi satu inisiatif strategik yang membantu perniagaan kekal kompetitif dan adaptif dalam dunia yang berubah dengan pantas.”

Salah satu tumpuan pertumbuhan utama adalah penggunaan media sosial, dengan 78.0 peratus perniagaan memanfaatkan platform ini untuk berhubung dengan pelanggan, menjadikannya instrumen penting untuk pemasaran, perkhidmatan pelanggan, dan pembangunan jenama. Penggunaan media sosial meluas merentasi sektor, di mana sektor Perlombongan & Pengkuarian mencatatkan kadar pemilikan media sosial 60.7 peratus, manakala sektor Pembuatan mendahului dengan 86.7 peratus. Selain itu, lebih separuh (55.2 peratus) perniagaan mempunyai laman web sendiri, mencerminkan keperluan untuk kehadiran digital yang kukuh. Penggunaan e-pasaran juga semakin meningkat, dengan 39.6 peratus perniagaan terlibat dalam beberapa bentuk perdagangan dalam talian, membolehkan mereka memperluaskan jangkauan dan meneroka segmen pengguna baharu. Tambahan pula, 34.0 peratus perniagaan menggunakan laman web pihak ketiga untuk menjalankan operasi mereka, menegaskan betapa pentingnya kehadiran digital dalam persekitaran perniagaan masa kini.

Penggunaan komputer dan sambungan internet yang meluas jelas terlihat di pelbagai industri, dengan lebih 85.0 peratus perniagaan dalam pelbagai sektor mengguna pakai kemudahan ini. Sektor Pembinaan mencatatkan penggunaan komputer tertinggi, di mana 96.8 peratus pertubuhan dilengkapi komputer,

meningkat 23.4 mata peratus sejak 2015. Sektor Perkhidmatan tidak jauh ketinggalan, dengan 96.0 peratus perniagaan menggunakan komputer, meningkat sebanyak 23.6 mata peratus. Peningkatan dalam akses internet juga ketara, terutama dalam sektor Pembinaan yang mencatatkan kenaikan 28.0 mata peratus, mencapai 95.7 peratus pada tahun 2022. Dalam sektor Pembuatan, pemilikan *web presence* meningkat sebanyak 57.8 mata peratus, mencapai 74.4 peratus, yang menunjukkan kepentingan semakin besar dalam penglibatan digital.

Selain itu, kepentingan jalur lebar tetap dan mudah alih kekal signifikan. Jalur lebar tetap terus menjadi pilihan utama dengan 92.3 peratus perniagaan menggunakannya pada tahun 2022, manakala penggunaan jalur lebar mudah alih meningkat 49.4 mata peratus sejak 2015, mencapai 77.9 peratus. Gabungan kedua-dua jenis jalur lebar yang digunakan oleh 72.9 peratus pertubuhan perniagaan, menekankan keperluan untuk perniagaan kekal fleksibel dan adaptif dalam persekitaran digital yang sentiasa berubah.

E-mel dan perbankan internet telah menjadi instrumen penting bagi perniagaan, dengan 95.7 peratus dan 90.2 peratus pertubuhan masing-masing menggunakan perkhidmatan ini. Kemudahan ini membantu perniagaan memperkemarkan operasi, meningkatkan komunikasi, dan mengurangkan kos operasi. Seiring dengan perniagaan terus melabur dalam teknologi ini, mereka bukan sahaja meningkatkan kecekapan tetapi juga meletakkan perniagaan untuk pertumbuhan mampan dalam ekonomi global yang semakin saling berkait.

DOSM turut menekankan pertumbuhan ketara dalam sektor e-dagang Malaysia. Pendapatan daripada aktiviti e-dagang mencatatkan pertumbuhan tahunan kukuh sebanyak 16.0 peratus, mencapai jumlah RM1.13 trilion pada tahun 2022. Pertumbuhan ini membuktikan peranan perdagangan digital semakin penting dalam memacu perkembangan ekonomi. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan

merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ini, dengan sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 25.1 peratus setahun, mencapai RM552.7 bilion pada tahun 2022, berbanding RM115.1 bilion yang dilaporkan pada tahun 2015. Lonjakan pendapatan e-dagang ini mencerminkan peralihan lebih luas ke arah perdagangan dalam talian dan platform digital yang terus memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Dato' Sri Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, menyatakan, "Peningkatan penggunaan instrumen digital dalam kalangan perniagaan telah membolehkan ekonomi Malaysia kekal dinamik dan berdaya saing, yang menyokong pertumbuhan dan kelestarian jangka panjang." Kenyataan beliau menekankan kepentingan penerapan digital bukan sahaja untuk meningkatkan kecekapan operasi tetapi juga untuk mencipta peluang baharu dalam dunia yang semakin digital.

Bagi ekonomi Malaysia, peningkatan penerapan digital merupakan faktor penting untuk memastikan kestabilan dan pertumbuhan jangka panjang. Apabila perniagaan terus berinovasi dan berkembang, mereka menyumbang kepada ekonomi yang lebih pelbagai dan kukuh, mampu menahan tekanan luaran serta memanfaatkan peluang baharu yang muncul. Pendigitalan secara meluas juga memupuk hubungan perdagangan yang lebih erat, membantu perniagaan Malaysia memperluas pengaruh di arena global dan menarik pelaburan asing.


Melangkah ke hadapan, masa depan ekonomi digital Malaysia tampak menjanjikan. Dengan pertumbuhan berterusan dalam e-dagang, penggunaan media sosial dan penggunaan internet, perniagaan di Malaysia bersedia untuk memanfaatkan peluang dalam trend digital yang baru muncul. Pengembangan infrastruktur digital yang berterusan, bersama inisiatif kerajaan untuk menyokong inovasi digital dan keusahawanan, akan membekalkan perniagaan dengan sumber yang diperlukan untuk terus berdaya saing dalam segmen perniagaan.

Kesimpulannya, penemuan daripada Banci Ekonomi 2023 jelas menggambarkan perkembangan pesat di mana perniagaan di Malaysia menerima transformasi digital. Dengan 93.3 peratus perniagaan mengguna pakai sambungan internet, 78.0 menggunakan media sosial, dan 39.6 peratus terlibat dalam e-pasaran, Malaysia sedang bergerak dengan yakin ke arah kedudukan yang lebih signifikan dalam ekonomi digital global. Trend ini mencerminkan peningkatan penglibatan digital negara ini dalam pelbagai sektor. Seperti yang dinyatakan oleh Dato' Sri Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, peralihan digital yang berterusan adalah penting untuk memastikan perniagaan kekal berdaya saing, inovatif, dan pantas dalam menghadapi cabaran global. Dengan terus melabur dalam sumber digital dan infrastruktur, perniagaan Malaysia berada di posisi yang baik untuk mencapai kejayaan dan pertumbuhan yang berterusan dalam era digital.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


**Carta 1: Penggunaan ICT oleh Pertubuhan, Malaysia, 2015–2022**



**Carta 2: Jenis Pemilikan *Web Presence* oleh Pertubuhan, Malaysia, 2022**



**Carta 3: Prestasi E-Dagang, Malaysia, 2015–2022**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**29 NOVEMBER 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514, Federal Territory Putrajaya  
Telephone no. : 03 - 8090 4681

## ***ECONOMIC CENSUS 2023 USAGE OF ICT AND E-COMMERCE BY ESTABLISHMENT***

---

### ***Digital Transformation Gains Momentum as 93.3 per cent of Malaysian Businesses Embrace Internet Connectivity in 2022***

**PUTRAJAYA, 29 NOVEMBER 2024** – Malaysia's digital landscape has undergone significant transformation, with businesses across various sectors increasingly adopting digital tools to stay competitive and relevant in the global market. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) recently unveiled its *Economic Census 2023 Usage of ICT and E-Commerce by Establishment*, which offers a comprehensive overview of the widespread digital adoption among businesses. The data reveals a profound rise in internet connectivity, website usage, and e-commerce activity, highlighting the acceleration of digital transformation in Malaysia's business ecosystem.

According to DOSM, a substantial 93.3 per cent of businesses in Malaysia had internet access by 2022, a sharp increase from 61.5 per cent in 2015. This surge underscores the importance of digital tools for operational efficiency, communication, and reaching new customers. Furthermore, the use of computers



*among businesses has also grown significantly, with 95.9 per cent of establishments relying on computers to conduct daily operations, compared to just 73.5 per cent in 2015. This widespread adoption of technology is not just a temporary shift but a strategic move towards a more resilient and competitive economic model. Dato' Sri Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, emphasised, "The shift towards digital adoption is not merely a response to challenges like the COVID-19 pandemic but a strategic initiative that helps businesses remain competitive and adaptive in a rapidly changing world."*

*A key area of growth has been the use of social media, with 78.0 per cent of businesses leveraging these platforms to engage with customers, making it a vital tool for marketing, customer service, and brand development. The use of social media is widespread across sectors, with the Mining & Quarrying sector having a 60.7 per cent adoption rate, while the Manufacturing sector leads with an impressive 86.7 per cent. In addition, over half (55.2 per cent) of businesses have their own websites, reflecting the need for a strong digital presence. The usage of e-marketplace is also on the rise, with 39.6 per cent of businesses engaging in some form of online commerce, which allows them to expand their reach and tap into wider consumer segments. Furthermore, 34.0 per cent of businesses use third-party websites to conduct their operations, reinforcing how essential a digital presence has become in today's business environment.*

*The widespread use of computers and internet connectivity is evident across industries, with over 85.0 per cent of businesses in various sectors adopting these tools. The Construction sector has the highest usage of computers, with 96.8 per cent of establishments equipped with computers, marking a 23.4 percentage points increase since 2015. The Services sector is not far behind, with 96.0 per cent of businesses using computers, an increase of 23.6 percentage points. The growth in internet access has also been impressive, particularly in the*

*Construction sector, which saw an increase of 28.0 percentage points, reaching 95.7 per cent by 2022. In the Manufacturing sector, web presence grew by 57.8 percentage points, reaching 74.4 per cent, a sign of the growing importance of digital engagements.*

*Furthermore, the importance of both fixed and mobile broadband remains crucial. Fixed broadband continued the preferred choice with 92.3 per cent of businesses used it in 2022, while mobile broadband usage rose by 49.4 percentage points from 2015, reaching 77.9 per cent. A combination of both types of broadband was utilised by 72.9 per cent of businesses, emphasising the need for businesses to remain flexible and adaptable in a rapidly changing digital environment.*

*Email and internet banking have become essential tools for businesses, with 95.7 and 90.2 per cent of establishments using these services, respectively. These tools help businesses streamline operations, enhance communication, and reduce operational costs. As businesses continue to invest in these technologies, they are not only increase their efficiency but also position themselves for sustainable growth in an increasingly interconnected global economy.*

*DOSM also highlighted the significant growth in Malaysia's e-commerce sector. The income from e-commerce activities saw a robust annual growth of 16.0 per cent, reaching a total of RM1.13 trillion in 2022. This growth is a testament to the increasing role of digital commerce in driving economic expansion. The Services and Manufacturing sectors were the key contributors to this growth, with the Services sector leading with income grew by an impressive 25.1 per cent annually, reaching RM552.7 billion in 2022, compared to RM115.1 billion reported in 2015. This surge in e-commerce income is indicative of the broader shift towards online trade and digital platforms, which continue to fuel the nation's economic growth.*

*Dato' Sri Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician of Malaysia, stated, "The increasing use of digital tools across businesses has enabled Malaysia's economy to remain dynamic and competitive, supporting long-term growth and sustainability." His remarks underscore the importance of digital adoption not only for improving operational efficiency but also for creating new opportunities in an increasingly digital world.*

*For the Malaysian economy, the rise in digital adoption is a critical factor in ensuring long-term stability and growth. As businesses continue to innovate and evolve, they contribute to a more diversified and robust economy, capable of withstanding external shocks and leveraging emerging opportunities. The widespread use of digital tools also promotes greater trade linkages, helping Malaysian businesses expand their global footprint and attract foreign investment.*

*Looking ahead, the future of Malaysia's digital economy appears promising. With continued growth in e-commerce, social media usage, and internet adoption, businesses in Malaysia are set to capitalise on emerging digital trends. The ongoing expansion of digital infrastructure, combined with government initiatives to support digital innovation and entrepreneurship, will provide businesses with the tools they need to stay ahead in business segments.*


*In conclusion, the findings from the Economic Census 2023 clearly illustrate the rapid pace at which Malaysian businesses are embracing digital transformation. With 93.3 per cent of businesses embracing internet connectivity, 78.0 per cent utilising social media, and 39.6 per cent participating in e-marketplace, Malaysia is steadily advancing towards a prominent position in the global digital economy. These trends reflect the nation's growing digital engagement across sectors. As highlighted by Dato' Sri Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician of Malaysia, the ongoing digital shift is essential for businesses to remain competitive, innovative,*

*and agile in the face of global challenges. By continuing to invest in digital tools and infrastructure, Malaysia's businesses are well-positioned for sustained growth and success in the digital age.*


*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20<sup>th</sup> each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life." DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.*


**Chart 1: Usage of ICT by Establishment, Malaysia, 2015–2022**



**Chart 2: Type of Web Presence Owned by Establishment, Malaysia, 2022**



**Chart 3: E-Commerce Performance, Malaysia, 2015–2022**



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**29 NOVEMBER 2024**